

Keberkesanan Program SINAR SETARA Dalam Meningkatkan Penguasaan Konstruk Literasi Bahasa Melayu Murid Tahap 1

Hapini Awang¹, Mohd Nasran Deraman², Khairudin Abdul Aziz³, Erwani Kamaruddin⁴, Muhd Fadli Izzat Rosli⁵, Tuan Mohd Ridzuan Tuan Mohd⁶, Wan Mohd Farid Wan Mat⁷, Joharri Shuhaimi⁸ & Wan Ahmad Humaizie Zafakali⁹

¹Sekolah Kebangsaan Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang

^{2,4,5,6,7,9}Pejabat Pendidikan Daerah Cameron Highlands, Pahang

³Sekolah Kebangsaan Convent, Cameron Highlands, Pahang

⁸Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands, Pahang

Article Info

Received:

10 Februari 2020

Accepted:

16 Mac 2020

Publish

6 April 2020

E-mail address:

*corresponding Author :

*hapiniawang@gmail.com
abunasaif@gmail.com
din915k@yahoo.com
erwani.kamarudin@moe.gov.my
izzat.rosli@moe.gov.my
tuangtmr@gmail.com
wgr6618@gmail.com
nikjoe22@gmail.com
ahmad.humaizie@moe.gov.my

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Kajian tindakan ini dijalankan untuk mengukur keberkesanan program SINAR SETARA dalam meningkatkan pencapaian Literasi Bahasa Melayu, memupuk amalan membaca di luar waktu persekolahan serta menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS di Sekolah Kebangsaan Tanah Rata, Cameron Highlands. Program SINAR SETARA dijalankan selepas waktu persekolahan formal yang melibatkan 50 orang murid dan 30 orang guru pembimbing. Berpandukan Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988) dan Teori Pembelajaran Humanistik, gegelung pertama kajian ini dijalankan selama enam bulan bermula Februari hingga Julai 2019. Kajian ini menggunakan reka bentuk 'Convergent Mixed-Method', yang menggabungkan kedua-dua jenis data, kuantitatif dan kualitatif untuk menjawab persoalan kajian. Hasil analisis menunjukkan objektif pertama untuk memupuk amalan latihan membaca di luar waktu persekolahan gagal dicapai dan perlu ditambahbaik pada gegelung seterusnya. Namun begitu, objektif kedua dan ketiga, iaitu untuk meningkatkan penguasaan konstruk Literasi Bahasa Melayu dan menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS melalui SINAR SETARA berjaya dicapai. Kajian tindakan ini membuktikan program SINAR SETARA amat wajar untuk diteruskan tetapi memerlukan beberapa penambahbaikan terutamanya untuk menjadikan latihan membaca di luar waktu persekolahan sebagai amalan dalam kalangan murid.

Kata Kunci: Kajian Tindakan, LINUS, Literasi Bahasa Melayu, SINAR SETARA, Amalan Membaca

Pendahuluan

Pengenalan

Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diperkenalkan secara formal dalam sistem pendidikan negara bermula pada tahun 2010 yang melibatkan tiga bidang utama iaitu, (i) Literasi Bahasa Melayu, (ii) Literasi Bahasa Inggeris dan (iii) Numerasi (Chew, 2015). Matlamat utama pelaksanaan program ini ialah untuk mengesan dan memulihkan masalah literasi dan numerasi seawal tahap 1 (Maddahiri, Abdullah, Mosin, Ahmad, & Asul, 2018). Literasi Bahasa Melayu di dalam program LINUS adalah kesinambungan daripada pelbagai program yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak lama dahulu, sebagai contoh, Kelas Transisi, Kelas Pemulihan serta Program KIA2M. Namun begitu, di sebalik program-program yang silih berganti ini, matlamat utama KPM untuk membasmi sepenuhnya masalah buta huruf pada peringkat akar umbi sehingga kini masih belum menemui kejayaan (Chew, 2015). Bermula 2019, program LINUS hanya dilaksanakan pada peringkat sekolah (Bunga, 2018). Justeru program SINAR SETARA adalah salah satu inisiatif yang dijalankan di Sekolah Kebangsaan Tanah Rata untuk memantapkan pelaksanaan LINUS. Di sekolah ini, pencapaian konstruk Literasi Bahasa Melayu di kalangan murid tahap 1 masih di bawah tahap memuaskan dan menjadi isu yang diwarisi, tahun demi tahun. Setelah dijalankan kutipan dan analisis data awal, antara masalah yang dikenalpasti ialah kekurangan latihan membaca di luar waktu persekolahan.

Sebagai program intervensi untuk masalah ini, SINAR SETARA dijalankan selepas waktu persekolahan. Selain itu, ia juga dirangka berdasarkan Teori Pembelajaran Humanistik dan mengambil kira aspek unik setiap murid. Kaedah pengajaran sepatutnya ditentukan oleh gaya pembelajaran murid berdasarkan beberapa elemen seperti kecenderungan hubungan interpersonal guru-murid, kebolehan murid dan kekangan situasi (Grasha, 2002). Dengan mengaplikasikan konsep bimbingan individu atau One-on-One Teaching, setiap murid yang terlibat telah dibimbing oleh seorang guru pembimbing. Secara umumnya, teknik bimbingan individu agak kurang sesuai dilaksanakan semasa waktu persekolahan. Hal ini kerana bilangan murid yang ramai dalam bilik darjah akan menyukarkan tumpuan individu diberikan oleh guru (Yaacob, Lamin, & Mohamed, 2005). Namun, teknik ini mempunyai kelebihan dimana guru boleh bertindak sebagai pakar, contoh dan pembimbing selain dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada murid (Grasha, 2002). Oleh itu, penggunaannya amat sesuai dalam konteks kajian ini yang dijalankan diluar waktu persekolahan dan melibatkan jumlah guru pembimbing yang ramai.

Program SINAR SETARA (Kitaran 1) dilaksanakan bermula Februari hingga Julai 2019. Setiap minggu, peserta kajian dikehendaki mengadakan sekurang-kurangnya tiga jam atau tiga kali perjumpaan. Namun begitu, kebebasan diberikan kepada guru pembimbing untuk menentukan masa, lokasi, bahan serta kaedah berdasarkan kesesuaian murid. Peserta kajian ini terdiri daripada guru sebagai pembimbing dan murid yang dipilih berdasarkan markah Ujian Saringan Pemulihan. Untuk menguji keberkesanan program SINAR SETARA, data akhir dipungut menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Seterusnya, hasil analisis data ini telah digunakan untuk penambahbaikan program semasa kitaran kedua.

Konteks

Sekolah Kebangsaan Tanah Rata, Cameron Highlands mempunyai taburan murid yang pelbagai dari segi etnik dan sosio-budaya. Kepelbagaian ini secara tidak lansung telah mencipta jurang akademik di kalangan murid, termasuk dalam penguasaan konstruk LINUS. Kelemahan

pencapaian Literasi Bahasa Melayu telah dikenalpasti sebagai antara isu besar di sekolah ini sejak beberapa tahun kebelakangan. Antara langkah intervensi yang diambil ialah dengan melaksanakan program SINAR SETARA. Justeru, kajian ini telah dijalankan untuk menilai keberkesanan program ini di Sekolah Kebangsaan Tanah Rata pada 2019. Menerusi kajian ini, masalah kekurangan latihan membaca di luar waktu persekolahan dalam kalangan murid LINUS telah diberi penekanan oleh program SINAR SETARA. Memandangkan kajian tindakan ini bertujuan untuk menambahbaik pelaksanaan LINUS (bukan untuk menambahbaik amalan pengajaran/pembelajaran), ia telah melibatkan kerjasama dari semua guru-guru yang terlibat, terutamanya untuk memungut data dan melaksanakan intervensi. Dalam situasi ini, pengkaji hanya bertindak sebagai penyelia atau penggerak sepanjang kajian ini dijalankan.

Refleksi Amalan

Sebagai guru pemulihan khas di Sekolah Kebangsaan Tanah Rata, pengkaji mendapati masih ramai murid tahap 1 (Tahun 2 dan 3) yang gagal mencapai tahap penguasaan Literasi Bahasa Melayu seperti yang disasarkan oleh KPM (Chew, 2015). Berbanding 2018, tahun 2019 telah menunjukkan peningkatan mendadak dari segi jumlah murid gagal menguasai keseluruhan konstruk Literasi Bahasa Melayu. Ini disokong oleh data Ujian Saringan Pemulihan Bahasa Melayu 2019 yang menunjukkan seramai 50 murid tahun 2 dan 3 gagal mencapai tahap penguasaan yang sepatutnya, berbanding 43 sahaja pada 2018, memperlihatkan peningkatan sekitar 16.3%. Peningkatan jumlah ini mungkin didorong oleh peningkatan bilangan kemasukan murid baru ke Sekolah Kebangsaan Tanah Rata bagi sesi 2019, sehingga memaksa pihak sekolah membuka kelas ketiga (berbanding dua kelas sahaja pada 2018) untuk murid tahun 2 dan 3. Namun begitu, ia bukanlah alasan yang konkrit dalam menjustifikasikan kegagalan murid untuk menguasai kemahiran asas Literasi Bahasa Melayu. Natiujahnya, peningkatan peratusan murid gagal ini adalah simptom kepada masalah yang lebih besar dan memerlukan rancangan pemulihan yang segera. Hal ini menuntut satu tindakan pro-aktif untuk diambil termasuk melaksanakan program SINAR SETARA. Justeru, kajian tindakan ini dilaksanakan untuk menilai keberkesanan program SINAR SETARA dalam meningkatkan pencapaian konstruk Literasi Bahasa Melayu murid tahap 1 (tahun 2 dan 3).


Fokus Kajian Tindakan

Pemilihan Fokus Kajian

Kajian ini dijalankan sebagai reaksi terhadap simptom yang telah dikenalpasti, iaitu kegagalan murid tahap 1 untuk menguasai kesemua konstruk Literasi Bahasa Melayu. Melalui analisis terhadap simptom ini (analisis data awal), masalah kekurangan latihan membaca di luar waktu persekolahan telah dikenalpasti sebagai antara faktor yang berkemungkinan menyumbang kepada kegagalan murid-murid ini. Oleh itu, program SINAR SETARA telah dirangka sebagai tindakan intervensi terhadap masalah ini. Dalam masa yang sama, kajian ini bertujuan untuk menilai impak program SINAR SETARA dalam menyelesaikan masalah tersebut. Pentadbiran kajian ini telah melibatkan 30 guru (termasuk pengkaji) untuk menjalankan intervensi dan memungut data. Untuk memastikan kelancaran kolaborasi ini, pengkaji bertindak sebagai penggerak dan perjumpaan berkala telah dilakukan dalam kalangan guru terlibat. Sebagai kesimpulan, kajian ini amat signifikan untuk dilakukan terutamanya untuk menjustifikasikan pelaburan masa dan wang yang telah dibuat (Alhendawi & Baharudin, 2014), serta menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS dan program SINAR SETARA di sekolah (Centers for Disease Control and Prevention, 2014). Selain itu, dapatan kajian ini (kaedah intervensi) juga boleh digeneralisasikan untuk kegunaan sekolah-sekolah yang menghadapi masalah yang homogen seperti yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Tanah Rata.

Pungutan Data Awal

Secara keseluruhannya, tiga kaedah pungutan data awal telah diaplikasikan untuk menjustifikasikan keperluan menjalankan kajian ini. Pertama sekali, data Ujian Saringan Pemulihan Bahasa Melayu 2019 telah digunakan sebagai penunjuk pencapaian semasa murid. Berdasarkan keputusan ujian ini, seramai 50 daripada 165 keseluruhan murid tahun 2 dan 3 (30%) didapati gagal menguasai keseluruhan konstruk Literasi Bahasa Melayu. Rajah 1 memperincikan keputusan Ujian Saringan Pemulihan 2019.



Rajah 1. Pencapaian Ujian Saringan Pemulihan Sekolah Kebangsaan Tanah Rata 2019

Seterusnya, untuk mengenalpasti isu di sebalik simptom kegagalan murid dalam menguasai konstruk Literasi Bahasa Melayu, dua prosidur inkuiri awalan telah diaplikasikan, iaitu temu bual terhadap murid dan pemerhatian. Pada awal 2019, temu bual secara berstruktur telah dijalankan secara tidak formal terhadap 15 murid pemulihan yang dipilih secara rawak. Setelah dijalankan analisis kandungan untuk menginterpretasikan jawapan-jawapan mereka, tiga tema utama telah berjaya dikeluarkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Dapatan Analisis Kandungan Temu Bual Murid.

No.	Tema	Kod	Kekerapan (f)	Peratus (%)
1.	Murid kurang latihan membaca di rumah.	1	10	66.7
2.	Murid kerap ponteng sekolah.	2	4	26.7
3.	Murid tidak minat Bahasa Melayu.	3	1	6.7

Analisis kandungan kualitatif di atas membuktikan bahawa kurangnya latihan membaca di rumah adalah antara faktor utama yang menyebabkan murid gagal menguasai kemahiran asas Literasi Bahasa Melayu. Ini dapat dilihat menerusi sampel respon murid berikut:

Peserta Kajian 1 (Orang Asli), Tahun 3 Tekun.

“Cekgu, rumah saya guna [sumber kuasa elektrik] solar sahaja, macam mana nak membaca di rumah.”


Peserta Kajian 4 (Melayu), Tahun 2 Rajin.

“Emak saya kerja jual kuih. Biasanya waktu petang hingga malam emak buat kuih. Ayah pula sakit, jadi tiada siapa hendak ajar saya baca buku.”

Peserta Kajian 7 (Asli), Tahun 2 Tekun.

“Cekgu, saya main kat rumah, cekgu... Kakak saya tak mahu ajar baca.”

Seterusnya, bagi mengukuhkan lagi dapatan temubual di atas, triangulasi metodologi (Bekhet & Zauszniewski, 2012) telah diaplikasikan menggunakan teknik pemerhatian peserta berdasarkan situasi terancang (Kawulich, 2005). Pada fasa ini, seramai sepuluh orang murid yang gagal saringan Pemulihan 2019 telah dipilih secara rawak sebagai peserta dan pemerhatian telah dijalankan selama dua minggu. Setiap peserta telah diberi sehelai bahan bacaan (tanpa dipaksa membaca) untuk dibawa pulang pada hari pertama dan mereka hanya perlu memulangkan semula kertas apabila selesai membacanya. Apabila kertas dipulangkan, pengkaji memberikan helaian yang lain sehingga tempoh dua minggu berakhir. Tujuan prosidur ini dilakukan adakah untuk melihat gelagat pembacaan tambahan murid terutamanya semasa di rumah. Analisis diskriptif berdasarkan kekerapan pemulangan helaian bahan bacaan yang dilakukan membuktikan bahawa peserta kajian sangat kurang membaca semasa berada di luar waktu persekolahan, seperti yang diilustrasikan oleh Rajah 2.



Rajah 2. Kekerapan Pemulangan Helaian Bacaan Tambahan


Secara keseluruhannya, kutipan data awal telah dilakukan secara sistematik berdasarkan dua tujuan utama; (i) mengenalpasti tahap semasa masalah penguasaan Literasi Bahasa Melayu, dan (ii) mengenalpasti faktor pendorong yang menyebabkan masalah ini. Berdasarkan ketiga-tiga kaedah pengumpulan data awal, pengkaji merumuskan bahawa isu kekurangan latihan membaca ketika di luar waktu persekolahan adalah yang faktor berkemungkinan besar mendorong terhadap

kegagalan murid untuk menguasai kemahiran asas Bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa kebergantungan kepada pembelajaran bilik darjah yang formal, termasuk program Pemulihan Khas masih lagi tidak mencukupi. Kutipan data awal hanya boleh membuktikan kewujudan masalah yang memerlukan tindakan intervensi segera untuk dilakukan. Namun, intervensi yang dilakukan masih lagi perlu dibuktikan keberkesanannya secara empirikal bagi tujuan penambaan amalan pada masa hadapan (Centers for Disease Control and Prevention, 2014). Dapatan dari analisis data awal di atas menunjukkan kajian tindakan amat signifikan untuk dilakukan bagi menambahbaik amalan pengajaran Literasi Bahasa Melayu yang sedang dipraktikkan. Oleh itu, program SINAR SETARA telah dirangka dan mula dilaksanakan sebagai dorongan kepada murid terlibat untuk menjadikan latihan membaca sebagai amalan harian walaupun diluar konteks pembelajaran formal.

Model Tindakan

Mengikut Teori Pembelajaran Humanistik yang dipelopori dua tokoh psikologi terkenal iaitu Abraham Maslow dan Carl Rogers, manusia cenderung untuk meningkatkan potensi diri berdasarkan keperluan unik setiap individu. Menurut Maslow, ciri-ciri unik setiap individu ini perlu dihargai dan difahami oleh guru dalam menangani sesuatu permasalahan murid (Rachmahana, 2008). Sementara itu, Rogers berpendapat bahawa pembelajaran berasaskan inisiatif sendiri adalah salah satu kaedah yang sangat berkesan dalam proses peningkatan potensi diri murid (Arbayah, 2013). Berdasarkan Teori Pembelajaran Humanistik oleh kedua-dua tokoh ini, kajian ini merumuskan bahawa setiap murid adalah unik dari segi permasalahan, keperluan dan teknik pembelajaran. Dalam situasi ini, teknik pengajaran dan pemulihan secara berkelompok berkemungkinan besar adalah kurang efektif. Justeru, teknik pembelajaran bersemuka secara individu atau *One-on-One Teaching* seharusnya lebih membantu dalam menarik minat dan mempercepatkan proses penguasaan kemahiran literasi.

Dalam konteks kajian ini, program SINAR SETARA ialah intervensi yang dijalankan dan dirangka berdasarkan prinsip seperti yang dicadangkan oleh Teori Pembelajaran Humanistik. Program ini membolehkan setiap permasalahan unik murid dikenalpasti dan ditangani secara individu. Guru-guru yang terlibat juga diberi kebebasan untuk mengendalikan murid mengikut kesesuaian. Model Kajian Tindakan (Kemmis & McTaggart, 1988) telah digunakan sepanjang melaksanakan prosidur kajian ini, seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 3.



Rajah 3. Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988)

Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) mencadangkan gegelung empat fasa dalam menjalankan kajian tindakan, iaitu; (i) mereflek, (ii) merancang, (iii) bertindak, dan (iv) memerhati. Dalam konteks kajian ini, prosidur refleksi difokuskan terhadap isu kegagalan murid tahap 1 (Tahun 2 dan Tahun 3) dalam menguasai konstruk Literasi Bahasa Melayu. Pungutan data awal telah dilakukan bagi mengesahkan kewujudan, serta menilai tahap masalah. Semasa fasa ini juga, fokus kajian telah dikenalpasti iaitu kekurangan latihan membaca, terutamanya di luar waktu persekolahan. Justeru, murid-murid yang dikesan sebagai bermasalah telah dijadikan sebagai peserta kajian. Dalam fasa kedua, dapatan dari analisis data awal telah dijadikan asas untuk merancang tindakan intervensi. Dengan merujuk kepada Teori Pembelajaran Humanistik, program SINAR SETARA yang bersifat bimbingan individu secara bersemuka telah dirancang. Ini dilakukan dengan menyediakan seorang guru pembimbing kepada setiap murid yang terlibat, membabitkan 30 orang guru dan 50 murid.

Dalam fasa ketiga (bertindak), program SINAR SETARA dijalankan melibatkan semua peserta kajian yang terdiri dari kelompok guru dan murid, seperti yang telah dinyatakan. Untuk peringkat permulaan, program ini dijalankan selama 6 bulan, bermula Februari hingga Julai 2019 dan keberkesannya telah diuji melalui kajian ini. Fasa terakhir kajian melibatkan prosidur pemerhatian dan pungutan data akhir. Jenis data yang dikutip membabitkan kedua-dua jenis data, kualitatif dan kuantitatif. Pungutan data dibuat sepanjang tempoh pelaksanaan SINAR SETARA menerusi kaedah pemerhatian, temu bual, soal selidik dan Ujian Diagnostik. Berdasarkan hasil analisis semua sumber data ini, keberkesanan SINAR SETARA dapat dikenalpasti.

Objektif Dan Soalan Kajian

Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- (i) Adakah program SINAR SETARA dapat memupuk amalan latihan membaca di luar waktu persekolahan murid?
- (ii) Adakah program SINAR SETARA mampu meningkatkan penguasaan konstruk LINUS Bahasa Melayu murid Tahun 2 dan 3?
- (iii) Sejauh manakah program SINAR SETARA dapat menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS?


Objektif

Objektif umum kajian ini ialah untuk meningkatkan kemahiran Literasi Bahasa Melayu murid Tahun 2 dan 3. Oleh itu, objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:


- (i) Membudayakan amalan latihan bacaan di luar waktu persekolahan melalui program SINAR SETARA.
- (ii) Meningkatkan penguasaan konstruk Literasi Bahasa Melayu murid Tahun 2 dan 3 melalui program SINAR SETARA.
- (iii) Menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS melalui program SINAR SETARA.

Peserta Kajian

Peserta kajian ini dibahagikan kepada dua kategori; murid dan guru. Murid yang terlibat adalah seramai 50 orang yang terdiri daripada 30 orang murid tahun 2 (60%) dan 20 orang murid tahun 3 (40%) seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 4. Kriteria pemilihan murid yang terlibat adalah berdasarkan pencapaian Ujian Saringan Pemulihan suku pertama 2019 (Januari) di mana murid-murid ini tidak menguasai keseluruhan konstruk Literasi Bahasa Melayu. Selain itu juga, pemerhatian yang dilakukan secara rawak mendapati mereka sangat kurang latihan membaca terutamanya ketika di luar waktu persekolahan formal. Murid ini terdiri daripada 39 murid pemulihan (78%) dan 11 murid arus perdana (22%), yang mewakili dua kaum utama di Sekolah Kebangsaan Tanah Rata iaitu Orang Asli dan Melayu (Rajah 5). Selain itu, seramai 30 guru pembimbing telah terlibat untuk program ini. Guru-guru ini dipilih berdasarkan pengalaman membimbing murid semasa Kem LINUS 2018.



Rajah 4. Taburan Peserta Kajian (Murid) SINAR SETARA Mengikut Jantina.



Rajah 5. Pecahan Peserta (Murid) SINAR SETARA Mengikut Kaum.

Perancangan Tindakan

Perancangan Langkah-langkah Tindakan

Teori Pembelajaran Humanistik mencadangkan bahawa setiap murid mempunyai kecenderungan, tahap dan keperluan yang berbeza (Arbayah, 2013; Rachmahana, 2008). Disebabkan ciri unik ini, sepatutnya kaedah pengajaran juga disesuaikan mengikut keperluan setiap murid. Oleh itu, program SINAR SETARA menekankan kepada perbezaan individu dan setiap murid diajar secara *One-on-One Teaching* berdasarkan kecenderungan, tahap dan keperluan murid tersebut. Setiap guru pembimbing diberi kebebasan dari segi kaedah, masa,

lokasi dan bahan. Namun, bagi memastikan kelestarian program ini, perjumpaan diwajibkan untuk dilakukan sebanyak tiga kali atau tiga jam seminggu. Durasi setiap kitaran pelaksanaan SINAR SETARA ditetapkan selama enam bulan, di mana pungutan dan analisis data dijalankan pada akhir kitaran bagi mengukur keberkesannya. Selanjutnya, penambahbaikan akan dilakukan berdasarkan dapatan dari analisis kitaran sebelumnya. Jadual 2 memperincikan perancangan langkah-langkah tindakan dalam kajian ini.

Jadual 2

Perancangan Langkah-langkah Tindakan

Kitaran	Fasa	Tindakan	Penerangan
1	Mereflek	Fokus :	Menyiasat isu kegagalan murid tahun 2 dan tahun 3 dalam menguasai kemahiran asas Literasi Bahasa Melayu.
		Aktiviti :	Mengenal pasti simptom (kegagalan menguasai Literasi Bahasa Melayu) dan masalah (kekurangan latihan membaca di luar waktu persekolahan). Pungutan dan analisis data awal (Ujian Saringan, temu bual dan pemerhatian).
	Merancang	Rasional :	Menjustifikasikan keperluan menjalankan kajian.
		Fokus:	Merangka pelan intervensi terhadap masalah yang dikenal pasti.
		Aktiviti :	Memperincikan perjalanan program SINAR SETARA berpandukan Teori Pembelajaran Humanistik. Masa: 3 kali atau 3 jam seminggu. Durasi: 6 bulan. Pendekatan: mengikut kesesuaian murid. Kaedah pungutan dan analisis data, seperti yang diterangkan oleh Jadual 3.
	Bertindak	Rasional :	Memastikan program intervensi (SINAR SETARA) mencapai matlamat untuk meningkatkan kemahiran asas Literasi Bahasa Melayu. Memastikan kajian berjalan dengan lancar dan semua objektif dicapai.
		Fokus:	Memastikan pelan intervensi seperti yang telah dirancang, dapat dijalankan dengan lancar.
		Aktiviti :	SINAR SETARA
	Memerhati	Rasional :	Meningkatkan kemahiran asas Literasi Bahasa Melayu.
		Fokus:	Pungutan data akhir.
Aktiviti :		Pemerhatian Ujian Diagnostik Soal selidik Temu bual	
2 ++	Memperbaiki semua aspek (dalam setiap fasa) seperti yang dikenalpasti dalam kitaran sebelumnya. Ini dilakukan sehingga objektif utama dicapai dan semua persoalan kajian dijawab.		

Nota. ++: dan seterusnya.

Metodologi Kajian

Kaedah Mengumpul dan Menganalisis Data

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk *Convergent Mixed-Method*. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji pengumpul data kuantitatif dan kualitatif secara serentak, serta penekanan yang sama rata diberikan terhadap kedua-dua jenis data (Creswell, 2014). Kaedah ini sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam situasi di mana satu-satu jenis data tidak mampu untuk menjawab semua persoalan kajian. Oleh itu, kedua-dua jenis data; kuantitatif dan kualitatif diperlukan untuk menyokong satu sama lain (Creswell, Klassen, Clark, & Smith, 2010). Ini adalah bertepatan dengan situasi kajian ini yang memerlukan kedua-dua jenis data untuk menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Seterusnya, dapatan dari analisis data kuantitatif dan kualitatif digabungkan dan satu kesimpulan keseluruhan telah dihasilkan.

Dalam kajian ini, data kuantitatif digunakan sepenuhnya untuk menjawab persoalan kajian (ii), iaitu untuk menilai keberkesanan program SINAR SETARA dalam meningkatkan penguasaan konstruk Literasi Bahasa Melayu murid Tahun 2 dan 3. Untuk mencapai matlamat ini, data sebenar pencapaian Ujian Saringan dan Diagnostik untuk mengesan tahap semasa murid telah digunakan. Ujian ini dilakukan sebanyak dua kali terhadap peserta kajian yang sama; sebelum (Saringan) dan selepas (Diagnostik) pelaksanaan SINAR SETARA, yang mana kedua-dua ujian ini adalah setara dari segi kandungan dan tahap kesukaran. Dalam konteks kajian ini, penggunaan data sekunder dalam bentuk data sebenar berskala ratio adalah lebih tepat untuk menggambarkan tahap sebenar murid berbanding data berbentuk persepsi yang biasanya dikutip menggunakan kaedah tinjauan (Prince et al., 2008; Teaching Commons, 2019). Analisis deskriptif berdasarkan nilai min (μ) dan sisihan piawai (SD) telah digunakan untuk melihat perbezaan yang berlaku dari segi pencapaian murid. Selanjutnya, ujian *Paired-Samples t-Test* dilakukan untuk menilai sama ada perbezaan tersebut signifikan/boleh dipercayai atau sebaliknya (Field, 2009). Analisis ini sesuai dilakukan memandangkan kajian ini mempunyai saiz sampel yang mencukupi (antara 20-30++) untuk menyiasat perbezaan statistik pada data (Cohen, 1990). Namun begitu, kebolegunaan analisis ini bergantung kepada kenormalan data. Sekiranya data tertabur secara tidak normal, analisis bukan parametrik sepatutnya digunakan, iaitu analisis *Wilcoxon signed-rank Test* (Field, 2009). Hipotesis untuk ujian ini adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} H_0: \mu_{\text{sebelum}} &= \mu_{\text{selepas}} \\ H_1: \mu_{\text{sebelum}} &\neq \mu_{\text{selepas}} \end{aligned}$$

Dimana μ_{sebelum} merujuk kepada nilai min markah Ujian Diagnostik sebelum SINAR SETARA, manakala μ_{selepas} merujuk kepada nilai min markah Ujian Diagnostik selepas pelaksanaan SINAR SETARA.

Selain itu, data kuantitatif telah digunakan untuk menjawab persoalan (i), manakala data kualitatif digunakan untuk menjawab persoalan (iii). Hal ini kerana persoalan kajian (iii) ini adalah bersifat eksploratori dan tidak dapat dijawab sepenuhnya menerusi analisis data kuantitatif (Sekaran, 2003). Kutipan data untuk mencapai objektif (i) dilakukan melalui kaedah pemerhatian peserta berdasarkan situasi terancang (Kawulich, 2005). Proses pemerhatian telah dilakukan pada dua minggu terakhir program SINAR SETARA. Peserta kajian (yang terlibat dalam pungutan data awal, seramai 10 orang) telah diberikan helaian bacaan tambahan dan mereka dikehendaki untuk memulangkan semula bacaan tersebut apabila selesai membacanya. Untuk memastikan kelancaran proses kutipan data, situasi ini dirancang agar tidak disedari oleh peserta kajian. Satu senarai semak telah disediakan untuk merekod data kuantitatif yang

berbentuk kekerapan (Lampiran 3). Seterusnya, analisis data dilakukan secara deskriptif berdasarkan kekerapan pemulangan helaian bacaan tambahan.

Sementara itu, untuk menjawab persoalan (iii) dan mencapai objektif (iii), kedua-dua jenis data; kuantitatif dan kualitatif telah digunakan. Kaedah pungutan data yang digunakan pula ialah menggunakan soal selidik ringkas yang mengandungi satu soalan dikotomi dan tiga soalan terbuka. Memandangkan guru mempunyai masa terluang yang terhad (Awang, Zahurin, & Wan Rozaini, 2018), soal selidik ringkas adalah lebih efektif berbanding soal selidik tinjauan berasaskan penilaian sendiri (self-rating) dan temubual bersemuka. Ini kerana lebih fleksibiliti diberikan kepada guru sekaligus mendorong kepada pemberian jawapan yang lebih jujur. Soalan dikotomi digunakan untuk melihat persetujuan guru berkaitan keberkesanan program SINAR SETARA dalam menambahbaik pelaksanaan LINUS. Seterusnya, data kuantitatif yang dikumpulkan telah dianalisis secara deskriptif berdasarkan kekerapan (*f*) persetujuan guru. Namun begitu, dapatan analisis ini masih belum mencukupi untuk menjawab persoalan kajian (iii) yang bersifat exploratori. Oleh itu, soalan terbuka untuk memungut data kualitatif telah disediakan. Soalan ini adalah berkaitan bagaimana program SINAR SETARA memberi perubahan (positif dan negatif) kepada murid, guru dan pelaksanaan LINUS secara keseluruhannya. Analisis soalan ini dilakukan menggunakan teknik analisis kandungan. Teknik analisis ini sesuai digunakan untuk menganalisis data kualitatif yang kurang kompleks (Braun & Clarke, 2006; Vaismoradi, Turunen, & Bondas, 2013). Selain itu, kelebihan analisis kandungan berbanding analisis tematik adalah kebolehnya untuk mengkuantitikan data kualitatif (Vaismoradi et al., 2013). Ini sekaligus akan memudahkan persembahan dan pemahaman data. Jadual 3 menerangkan kaedah kutipan dan analisis data yang telah digunakan.

Jadual 3

Kaedah Kutipan dan Analisis Data

Objektif / Persoalan	Sumber Data	Kaedah Pungutan Data	Kaedah Analisis	Laporan
i	Pemerhatian	Senarai semak pemulangan bahan bacaan.	Analisis deskriptif	Kekerapan pemulangan bahan bacaan tambahan.
ii	Markah Ujian Saringan & Diagnostik	Ujian Saringan & Diagnostik untuk mengesan tahap kemahiran murid	Analisis deskriptif Analisis inferensi <i>Paired-Samples t-Test</i>	Perbandingan markah Ujian Saringan dan Ujian Diagnostik.
iii	Soal selidik	Soalan dikotomi (YA/TIDAK) Soalan terbuka (guru)	Analisis deskriptif Analisis kandungan	Kekerapan dan peratusan 'YA' dan 'TIDAK'. Kekerapan dan peratusan tema.

Kaedah Menyemak Data

Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data, beberapa teknik penyemakan data telah diaplikasikan. Prosidur penyemakan data biasanya melibatkan triangulasi dapatan yang membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, sumber dan jenis data (Jick, 1979; Thurmond, 2001). Seperti yang dinyatakan oleh Jadual 3, pemungutan data untuk menjawab persoalan kajian telah dilakukan menggunakan banyak kaedah. Namun, untuk meningkatkan kredibiliti dapatan, dua teknik triangulasi diaplikasikan; (i) triangulasi metodologi, dan (ii) triangulasi penyelidikan.

Triangulasi metodologi merujuk kepada penggunaan dua atau lebih kaedah pungutan data untuk meningkatkan kesahan dapatan (Duffy, 1987). Dalam kajian ini, triangulasi metodologi *between-methods* (Jick, 1979) menggunakan kaedah temubual terbuka terhadap murid telah dilakukan untuk menyemak dapatan pada persoalan kajian (i). Sementara itu, triangulasi penyelidik didefinisikan sebagai teknik penyemakan data dan dapatan yang menggunakan banyak pemerhati, pengkod atau penganalisis data (Duffy, 1987). Teknik ini digunakan untuk menyemak dapatan pada persoalan kajian (iii), di mana penyelidik bersama telah menyemak data mentah dan hasil analisis. Untuk persoalan kajian (ii), triangulasi tidak dilakukan memandangkan data yang dikutip adalah bersifat ratio. Namun, untuk memastikan kredibiliti data dan ketepatan analisis, prosedur pembersihan dan penyediaan data seperti ujian data tercicir, *outliers*, serta kenormalan data telah dilakukan.

Analisis dan Dapatan Kajian

Kajian tindakan ini telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Tanah Rata, Cameron Highlands, selama enam bulan, iaitu untuk gegelung pertama. Menerusi kaedah pungutan data seperti yang telah dibincangkan, kedua-dua jenis data iaitu kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk menjawab ketiga-tiga persoalan kajian.

Dapatan Kajian 1

Persoalan kajian (i) bertujuan untuk menilai keberkesanan program SINAR SETARA dalam memupuk amalan latihan membaca di luar waktu persekolahan murid. Untuk menjawab persoalan ini, data dikutip melalui pemerhatian dalam situasi terancang dengan merekod kekerapan pemulangan buku bacaan murid pada dua minggu terakhir pelaksanaan program. Jadual 4 menerangkan perbezaan kekerapan pemulangan buku oleh 10 orang murid yang terlibat. Berdasarkan jadual ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa tidak terdapat peningkatan yang bermakna dari segi kadar pemulangan buku. Ini disokong oleh nilai Min (μ) serta Sisihan Piawai yang sama untuk skor kekerapan pemulangan buku pada pungutan data awal dan data akhir.

Jadual 4

Perbezaan Kekerapan Pemulangan Buku oleh Peserta Kajian

Peserta Kajian	Data Awal (f)	Data Akhir (f)	Perbezaan
#1	1	0	1
#2	1	1	0
#3	0	0	0
#4	2	0	-2
#5	0	1	1
#6	0	1	1
#7	1	2	1
#8	1	2	1
#9	2	1	-1
#10	3	3	0
Min (μ)	1.10	1.10	
Sisihan Piawai (SD)	0.99	0.99	

Untuk mengesahkan dapatan ini, kaedah triangulasi metodologi telah dilaksanakan. Seramai tiga orang murid yang didapati kurang mempraktikkan amalan latihan membaca di luar waktu persekolahan (berdasarkan kutipan data awal) telah ditemubual. Soalan yang diajukan adalah seperti berikut; "*Selepas waktu persekolahan [di rumah], adakah awak belajar membaca?*" Berikut ialah maklum balas yang diterima.

Peserta Kajian 4 (Melayu), Tahun 2 Rajin.
“Begantung kepada emak saya...Tetapi emak saya selalu sibuk.”

Peserta Kajian 7 (Orang Asli), Tahun 2 Tekun.
“Tiada orang [hendak] ajar saya cekgu.”

Respon-respon yang diterima ini telah menyokong dan mengesahkan dapatan yang diperoleh melalui pemerhatian sebelumnya. Justeru, dapat disimpulkan bahawa program SINAR SETARA gagal meningkatkan amalan membaca di luar waktu persekolahan murid tahap satu, sekaligus objektif (i) gagal dicapai.

Dapatan Kajian 2

Persoalan kajian (ii) bertujuan untuk mengukur sejauh mana program SINAR SETARA mampu meningkatkan penguasaan konstruk LINUS Bahasa Melayu murid Tahun 2 dan 3. Persoalan ini dijawab berdasarkan analisis data markah Ujian Saringan (ujian awalan) dan Ujian Diagnostik (ujian akhir program). Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, analisis penyediaan dan pembersihan data telah dilakukan yang merangkumi prosidur ujian data tercicir, *outliers* dan ujian kenormalan data. Ujian data tercicir mendapati tiada sebarang keciciran data berlaku dan kesemua 50 kes data adalah lengkap. Seterusnya, ujian data terpencil atau *outliers* dijalankan berdasarkan nilai *z-score* dengan nilai *threshold* yang diguna ialah ± 3.29 (Tabachnick & Fidell, 2007). Hasil analisis mendapati set data adalah bebas dari *outliers* dengan julat *z-score* bagi Ujian Saringan ialah antara -1.61 hingga 2.69, manakala -2.18 hingga 1.95 bagi Ujian Diagnostik. Prosidur persediaan data yang terakhir ialah ujian kenormalan data yang dijalankan menggunakan analisis Skewness dan Kurtosis. Analisis Skewness dan Kurtosis bagi kedua-dua ujian menghasilkan nilai di antara -2 dan 2, yang menunjukkan anggaran data adalah tertabur secara normal, seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 5 (Garson, 2012). Taburan data secara normal ini membolehkan analisis parametrik *Paired-Samples t-Test* dijalankan.

Jadual 5

Ujian Kenormalan Taburan Data Ujian Saringan dan Ujian Diagnostik

Pembolehubah	Skewness	Kurtosis
Ujian Saringan (Sebelum)	0.37	-0.03
Ujian Diagnostik (Selepas)	0.07	-0.05

Hipotesis Null (H_0) untuk persoalan kajian (ii) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan antara nilai min (μ) ujian sebelum, iaitu Ujian Saringan dan ujian selepas SINAR SETARA iaitu Ujian Diagnostik. Untuk menguji hipotesis ini, ujian *Paired-Samples t-Test* telah dijalankan bagi membandingkan pencapaian konstruk LINUS Bahasa Melayu sebelum dan selepas pelaksanaan SINAR SETARA. Dapatan analisis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian ujian sebelum ($\mu=4.74$, $SD=2.33$) dan selepas program ini ($\mu=6.80$, $SD=2.67$); $t(49)=-10.16$, $p<0.001$. Oleh itu, Hipotesis Null ditolak. Dapatan ini membuktikan bahawa terdapat kebarangkalian yang besar bahawa program SINAR SETARA mempengaruhi pencapaian Literasi Bahasa Melayu. Secara spesifiknya, didapati berlaku peningkatan signifikan dalam aspek pencapaian tersebut selepas murid mengikuti program SINAR SETARA. Justeru, Objektif (ii) dicapai.

Dapatan Kajian 3

Persoalan kajian (iii) bertujuan meninjau sejauh mana manakah program SINAR SETARA dapat menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS di Sekolah Kebangsaan Tanah Rata. Pelaksanaan program LINUS di sekolah menuntut penglibatan dua pihak utama, iaitu guru dan murid. Oleh itu, penilaian terhadap keberkesanan pelaksanaan SINAR SETARA terhadap program LINUS seharusnya diukur dari kedua-dua aspek ini, sebagai sokongan kepada penilaian perjalanan LINUS itu secara keseluruhan. Untuk menjawab persoalan kajian (iii), kajian ini menggunakan kedua-dua jenis data; kuantitatif dan kualitatif, yang dipungut menggunakan instrumen soal selidik ringkas terhadap guru-guru yang terlibat. Namun begitu, kadar respon terhadap soal selidik ini adalah agak rendah iaitu 12 berbanding jumlah keseluruhan guru terlibat iaitu 30 orang, atau mewakili 40% kadar pemulangan. Ini mungkin didorong oleh beberapa faktor kekangan terutamanya dari segi beban tugas semasa, memandangkan kutipan data dilakukan beberapa bulan sahaja dari Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2019. Namun begitu, hasil analisis kuantitatif menunjukkan keseluruhan responden (100%) bersetuju bahawa program SINAR SETARA mampu meningkatkan pencapaian kemahiran literasi murid.

Ini disokong oleh dapatan kandungan kualitatif yang bertujuan untuk melihat kesan SINAR SETARA terhadap murid. Analisis menunjukkan majoriti guru berpendapat bahawa program ini amat bemanfaat kepada murid dan mereka melihat perkembangan positif murid sepanjang pelaksanaannya. Daripada 12 responden, 13 respon telah diterima, dan sebanyak empat tema utama telah dikeluarkan, seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 6.

Jadual 6

Analisis Kandungan Keberkesanan SINAR SETARA Terhadap Murid

Tema	Kod	f	%
Murid menerima bimbingan individu.	1	1	7.7
Meningkatkan pencapaian kemahiran literasi.	2	10	76.9
Meningkatkan keyakinan diri murid.	3	1	7.7
Memberikan pengalaman belajar yang berbeza kepada murid.	4	1	7.7
JUMLAH		13	100

Berdasarkan analisis kandungan di atas, dapat dilihat bahawa majoriti guru (76.9%) mendapati program SINAR SETARA berjaya meningkatkan pencapaian kemahiran literasi murid yang terbabit. Ini secara tidak langsung menyokong dapatan kajian 2 yang secara statistiknya membuktikan program ini berjaya meningkatkan pencapaian murid secara signifikan. Berikut adalah beberapa contoh respon yang diterima.

Guru #2: *“Murid dapat meningkatkan pencapaian terutama dari segi [kemahiran] membaca.”*

Guru #6: *“Penguasaan murid dalam kemahiran membaca semakin meningkat.”*

Guru #10: *“Banyak memberi peningkatan [dari segi kemahiran literasi] kepada murid.”*

Seterusnya, kajian ini menyiasat keberkesanan SINAR SETARA terhadap guru pembimbing. Daripada 12 responden, hanya 11 respon direkodkan, di mana satu respon digugurkan kerana tidak berkaitan. Jadual 7 menunjukkan analisis kandungan terhadap keberkesanan program SINAR SETARA terhadap guru.

Jadual 7

Analisis Kandungan Keberkesanan SINAR SETARA Terhadap Guru

Tema	Kod	f	%
Dapat memberikan tumpuan individu kepada murid.	1	5	45.5
Guru memberikan komitmen yang baik.	2	4	36.4
Guru dapat meningkatkan kemahiran mengajar.	3	2	18.2
JUMLAH		11	100

Secara kasarnya, didapati bahawa kebanyakan guru (45.5%) berpendapat bahawa program ini membolehkan guru memberikan tumpuan individu kepada murid yang terlibat. Pandangan ini adalah munasabah memandangkan jumlah murid yang kecil akan membenarkan guru mengesan kelemahan, tahap semasa dan perkembangan murid, selain dapat merangka langkah pemulihan yang sewajarnya. Perkara ini dapat dilihat menerusi respon-respon berikut.

Guru #1: *“Dapat membimbing murid dengan lebih efisien dalam kelompok kecil”.*

Guru #3: *“Guru dapat kenalpasti kelemahan pembacaan murid dengan lebih terperinci seterusnya dapat memberikan fokus yang lebih kepada murid tersebut tanpa gangguan murid lain.”*

Guru #5: *“[Guru] dapat kenal murid dengan lebih dalam dan mempelbagai pendekatan kepada individu (murid).”*

Peringkat ketiga dalam menjawab persoalan kajian (iii) melibatkan ujian keberkesanan SINAR SETARA secara umum dalam menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS di sekolah. Hasil analisis, empat tema telah dikeluarkan daripada 12 respon yang diterima, seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 8.

Jadual 8

Analisis Kandungan Keberkesanan SINAR SETARA Terhadap Program LINUS

Tema	Kod	f	%
Mengurangkan bilangan murid gagal menguasai konstruk LINUS.	1	3	25
Meningkatkan kemahiran membaca murid.	2	5	41.7
Melancarkan perjalanan program LINUS secara keseluruhan.	3	2	16.7
Perlu diteruskan dengan penambahbaikan.	4	2	16.7
JUMLAH		12	100

Menerusi analisis ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa majoriti guru (41.7%) yakin bahawa SINAR SETARA menyumbang kepada peningkatan kemahiran literasi murid. Berikut ialah beberapa contoh respon yang diterima.

Guru #10: *“Program LINUS (SINAR SETARA) ini banyak memberi peningkatan kepada murid dan perlu diberi penambahbaikan dan perlu diteruskan.”*

Guru #4: *“Meningkatkan kemahiran LINUS bagi murid LINUS.”*

Guru #2: *“Penguasaan murid dari segi membaca semakin meningkat.”*

Respon-respon ini menyokong pandangan sebahagian guru (25%) bahawa program ini berjaya mengurangkan bilangan murid gagal menguasai konstruk LINUS, serta melancarkan perjalanan LINUS secara keseluruhannya (16.7%). Sebilangan kecil guru (16.7%) pula berpendapat bahawa

masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, namun program ini amat signifikan untuk diteruskan. Pandangan ini adalah munasabah memandangkan dapatan kajian (i) telah membuktikan bahawa SINAR SETARA gagal untuk memupuk tabiat latihan membaca di luar waktu persekolahan. Justeru, fokus penambahbaikan sepatutnya berkisar kepada isu ini.

Objektif (iii) kajian ini ialah untuk menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS melalui program SINAR SETARA. Analisis data kuantitatif dan kualitatif telah dijalankan dalam tiga konteks utama pelaksanaan LINUS, iaitu murid, guru dan perjalanan program LINUS itu sendiri. Hasilnya, didapati SINAR SETARA memberikan impak yang positif terhadap semua aspek ini. Oleh itu, Objektif (iii) telah dicapai. Seterusnya, untuk mengesahkan dapatan ini, prosidur triangulasi penyelidik telah dijalankan. Triangulasi penyelidik didefinisikan sebagai teknik penyemakan data dan dapatan yang menggunakan banyak pemerhati, pengekod atau penganalisis data (Duffy, 1987). Menerusi teknik ini, data mentah dan hasil analisis pada persoalan kajian (iii) telah disemak oleh penyelidik bersama.

Refleksi dan Rumusan

Secara teorinya, amalan atau tabiat terhasil daripada pengalaman melakukan sesuatu perkara secara berulang-ulang (Venkatesh, Morris, Davis, & Davis, 2003). Hal ini sangat relevan dalam konteks pelaksanaan program LINUS Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kemahiran Literasi Bahasa Melayu memerlukan latihan membaca yang berterusan sama ada pada waktu pendidikan formal atau di luar waktu persekolahan. Menyedari terdapat kelemahan pada aspek ini, program SINAR SETARA telah dirangka dan dijalankan bagi memupuk amalan membaca diluar waktu persekolahan formal, sekaligus mampu meningkatkan pencapaian murid dalam konstruk Literasi Bahasa Melayu dan menambahbaik amalan pelaksanaan LINUS. Tidak seperti yang dijangkakan, hasil analisis terhadap persoalan kajian dan objektif (i) menunjukkan SINAR SETARA gagal mencapai matlamat yang ditetapkan. Namun, di sebalik dapatan negatif ini, terdapat isyarat bahawa kegagalan dalam meningkatkan latihan membaca di luar waktu persekolahan, terutamanya di rumah menunjukkan program SINAR SETARA sangat relevan untuk diteruskan. Ini kerana SINAR SETARA sendiri adalah program latihan membaca dengan bimbingan guru yang dijalankan di luar waktu persekolahan yang normal. Walaupun hasil analisis menunjukkan program ini tidak mampu membina tingkah laku, atau membudayakan amalan ini dalam kalangan murid, terutamanya apabila elemen paksaan tidak dikenakan terhadap mereka, masih terdapat ruang untuk melaksanakan penambahbaikan pada gegelung seterusnya. Sementara itu, untuk persoalan kajian dan objektif (ii), kajian ini mendapati bahawa terdapat kebarangkalian yang besar bahawa SINAR SETARA mendorong peningkatan pencapaian murid dalam penguasaan konstruk LINUS Bahasa Melayu.

Namun begitu, kedua-dua dapatan ini (objektif i & ii) harus diterjemah secara berhemah. Ini kerana, dapatan ini mungkin kurang tepat. Sebagai contoh, memandangkan kutipan data untuk objektif (i) dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian (berdasarkan kekerapan pemulangan helaian bacaan tambahan), terdapat kemungkinan bahawa murid membaca di rumah, tetapi helaian bacaan tersebut hilang atau rosak dan tidak dapat dipulangkan kepada guru. Kaedah ini juga mendedahkan kepada kemungkinan terjadinya kes di mana murid tidak membaca, tetapi menghantar helaian bacaan. Justeru, kitaran kedua perlu mencari kaedah lain untuk menilai tahap latihan bacaan tambahan di luar waktu persekolahan murid. Selain itu, dapatan objektif (ii), terutamanya berkaitan peningkatan konstruk mungkin dipengaruhi faktor lain yang diluar kawalan pengkaji, contohnya, pengaruh pengajaran formal waktu persekolahan. Dalam hal ini, rekabentuk kajian yang berbentuk quasi-eksperimen akan memberikan keputusan lebih tepat dan sah. Kajian quasi-eksperimen memerlukan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Hasilnya perbandingan terhadap kedua-dua kumpulan dapat dilakukan dan kesan program

intervensi seperti SINAR SETARA akan dapat disahkan. Perkara ini akan diberi perhatian dalam kajian susulan.

Secara keseluruhannya, kajian tindakan ini telah membuktikan bahawa SINAR SETARA mampu meningkatkan penguasaan konstruk Literasi Bahasa Melayu murid tahap 1. Kesannya, perjalanan program LINUS di sekolah juga bertambah baik, seperti yang dibuktikan oleh analisis persoalan kajian dan objektif (iii). Namun, proses pelaksanaan SINAR SETARA tidak seharusnya dibiarkan berada pada tempo yang statik, tanpa sebarang penambahbaikan. Untuk mendapatkan kesan yang optimum terhadap murid, pelan penambaaian terhadap beberapa isu, terutamanya dalam menjadikan latihan membaca sebagai amalan (tanpa perlu dipaksa) dikalangan murid perlu dilaksanakan pada kitaran kedua dan seterusnya sehingga program ini mencapai takat tepu. Jadual 9 merumuskan keseluruhan kajian tindakan ini pada kitaran 1.

Jadual 9

Gambaran Keseluruhan Kajian Pada Kitaran 1

Objektif	Pungutan Data	Analisis	Semakan	Dapatan
i	Pemerhatian	Deskriptif	Triangulasi Metodologi - Temubual Murid	Gagal dicapai
ii	Markah Ujian	Deskriptif & Inferensi	-	Dicapai
iii	Soal Selidik	Deskriptif & Kandungan	Triangulasi Penyelidik	Dicapai

Rujukan

- Alhendawi, K. M., & Baharudin, A. S. (2014). The Impact of Interaction Quality Factors on the Effectiveness of Web-Based Information System: The Mediating Role of User Satisfaction. *Cognition, Technology and Work*, 16(4), 451–465. <https://doi.org/10.1007/s10111-013-0272-9>
- Arbayah. (2013). Model Pembelajaran Humanistik. *Dinamika Ilmu*, 13(2), 204–220.
- Awang, H., Zahurin, M. A., & Wan Rozaini, S. O. (2018). The Moderating Effect of Workload in Determining the Continuous Usage of Virtual Learning Environment amongst School Teachers. In *Pacific Asia Conference on Information Systems*. Yokohama, Japan: Association for Information Systems.
- Bekhet, A. K., & Zauszniewski, J. A. (2012). Methodological Triangulation: An Approach to Understanding Data. *Nurse Researcher*, 20(2), 40–43.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- Bunga, F. (2018, June). Program LINUS Dihentikan Mulai 2019. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/11/503726/program-linus-dihentikan-mulai-2019>
- Centers for Disease Control and Prevention. (2014). *Building Our Understanding: Key Concepts of Evaluation; What is It and How Do You Do It?* CDC's Healthy Communities Program.

- Chew, F. P. (2015). Pelaksanaan Program Literasi Dan Numerasi (Linus). *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 5(2), 2180–4842. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Cohen, J. (1990). Things I Have Learned (So Far). *American Psychologist*, 45(12), 1304–1312. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mix Methods Approaches* (4th ed.). London: SAGE Publications.
- Creswell, J. W., Klassen, L. A. C., Clark, V. L. P., & Smith, K. C. (2010). *Best Practices for Mixed Methods Research in the Health Sciences*.
- Duffy, M. E. (1987). Methodological Triangulation: A Vehicle for Merging Quantitative and Qualitative Research Methods. *Image: The Journal of Nursing Scholarship*, 19(3), 130–133. <https://doi.org/10.1111/j.1547-5069.1987.tb00609.x>
- Field, A. (2009). *Discovering Statistics using SPSS* (3rd ed.). London: SAGE Publications.
- Garson, G. D. (2012). *Testing Statistical Assumption*. Asheboro: Statistical Associate Publishing.
- Grasha, A. F. (2002). The Dynamics of One-on-One Teaching. *College Teaching*, 50(4), 139–146. Retrieved from https://www.pdx.edu/sites/www.pdx.edu.cae/files/media_assets/Dynamics.pdf
- Jick, T. D. (1979). Mixing Qualitative and Quantitative Methods: Triangulation in Action. *Administrative Science Quarterly*, 24.
- Kawulich, B. B. (2005). Participant Observation as a Data Collection Method. *Forum: Qualitative Social Research*, 6(2), 1–21. <https://doi.org/10.1177/14687941030032003>
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner* (3rd ed.). Victoria, Australia: Deakin University.
- Maddahiri, A. B., Abdullah, M. K., Mosin, M. Bin, Ahmid, M. H. Bin, & Asul, H. B. (2018). Amalan Pengajaran Guru LINUS-Literasi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)*, 3(2), 32–39.
- Prince, S. A., Adamo, K. B., Hamel, M. E., Hardt, J., Connor Gorber, S., & Tremblay, M. (2008). A Comparison of Direct Versus Self-Report Measures for Assessing Physical Activity in Adults: A Systematic Review. *International Journal of Behavioral Nutrition and Physical Activity*, 5(56). <https://doi.org/10.1186/1479-5868-5-56>
- Rachmahana, R. S. (2008). Psikologi Humanistik dan Aplikasinya dalam Pendidikan. *El-Tarbawi - Jurnal Pendidikan Islam*, 1(1), 99–114. <https://doi.org/10.20885/tarbawi.vol1.iss1.art8>
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* (4th ed.). New York: Wiley.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2007). *Using Multivariate Statistics* (5th ed.). Boston: Pearson Education Limited.

- Teaching Commons. (2019). Direct Versus Indirect Assessment of Student Learning. Retrieved June 28, 2019, from <https://resources.depaul.edu/teaching-commons/teaching-guides/feedback-grading/Pages/direct-assessment.aspx>
- Thurmond, V. A. (2001). Types of Triangulation Data Sources Triangulation. *Journal of Nursing Scholarship*, 253–258. <https://doi.org/10.1086/390229>
- Vaismoradi, M., Turunen, H., & Bondas, T. (2013). Content Analysis and Thematic Analysis: Implications for Conducting a Qualitative Descriptive Study. *Nursing and Health Sciences*, 15(3), 398–405. <https://doi.org/10.1111/nhs.12048>
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User Acceptance of Information Technology: Toward a Unified View. *MIS Quarterly*, 27(3), 425–478. <https://doi.org/10.2307/30036540>
- Yaacob, Z., Lamin, S. R., & Mohamed, R. @ S. R. (2005). Isu Tekanan dan Beban Di Kalangan Guru dan Kepuasan Bekerja. In *Seminar Pendidikan 2005*, Fakulti Pendidikan, UTM (pp. 1–17). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/5.IsuPendidikan05/Kertaspenuh/Kertas 21.pdf>